

Penilaian Perubahan Guna Tanah yang Lepas, Semasa dan Masa Hadapan di Dalam dan Luar Rezab Hidupan Liar Krau, Pahang

Nur Hairunnisa Binti Razaai (P70007)

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email:

Pernyataan Masalah: Kebanyakan status pemuliharaan kawasan dilindungi dianggap baik sejak dari penubuhannya kerana telah diberikan status perlindungan dan berkesan dalam mengurangkan pembasmian hutan di dalam sempadan kawasan dilindungi. Namun, kawasan dilindungi masih tidak mencapai objektif penubuhannya kerana kegiatan guna tanah manusia terus berkembang pesat di luar kawasan dilindungi itu menyebabkan status pemuliharaan di kawasan tersebut semakin terhakis menjadikan ianya perlu untuk meramalkan perubahan guna tanah tersebut pada masa hadapan. **Objektif:** Oleh itu objektif kajian ini adalah untuk menganalisa perubahan guna tanah di dalam dan luar Rezab Hidupan Liar Krau, Pahang dan meramalkan perubahan tersebut pada tahun 2028. **Metodologi:** Tiga imej satelit Landsat TM-30 m tahun 1988, 2000 dan 2014 telah diproses menggunakan perisian ERDAS imagine Ver 9.2 untuk membangunkan peta guna tanah di dalam dan luar kawasan kajian. Seterusnya peta guna tanah di dalam dan luar Rezab Hidupan Liar Krau pada tahun 2028 telah dimodelkan menggunakan *Land Change Modeler* dengan ketepatan penilaian sebanyak 81%. Perubahan guna tanah di dalam dan luar kawasan dilindungi tersebut telah dianalisis dengan menggunakan ArcGIS Ver 10.1. **Hasil:** Umumnya kawasan berhutan di dalam dan luar Rezab Hidupan Liar Krau telah berkurangan dari tahun 1988 hingga 2028 manakala pertanian komersial iaitu kelapa sawit dan getah telah meningkat. Guna tanah kawasan binaan juga menunjukkan peningkatan di dalam dan luar Rezab Hidupan Liar Krau sepanjang tempoh kajian. Peningkatan guna tanah manusia di dalam dan luar kawasan dilindungi ini menyebabkan kehilangan habitat semulajadi, pemecahan landskap dan kekurangan persambungan landskap di kawasan tersebut dan menyumbang kepada kehilangan kepelbagaian biologi. **Kesimpulan:** Kehilangan habitat semulajadi di luar kawasan dilindungi boleh mengurangkan status pemuliharaan di kawasan tersebut walaupun habitat di dalam sempadan pentadbiran kawasan dilindungi itu masih kekal. Oleh itu landskap di luar kawasan dilindungi juga perlu diambilkira dalam menilai status pemuliharaan kawasan dilindungi supaya strategi perancangan pemuliharaan kawasan dilindungi menjadi lebih efektif bagi mengekalkan kelestariannya pada masa hadapan.